

e-PERKHIDMATAN HASIL : APLIKASI PEMBAYARAN CUKAI

AYUH GUNAKAN APLIKASI BERIKUT BAGI TRANSAKSI PEMBAYARAN CUKAI YANG LEBIH SELAMAT, TERATUR DAN PEMROSESAN YANG PANTAS :

e-BILLING :

SEMAKAN ATAU JANAAN NOMBOR BIL BAGI SEMUA JENIS BAYARAN CUKAI (KECUALI PCB DAN DUTI SETEM)

BYRHASiL

BAYARAN CUKAI MELALUI BANK-BANK YANG MENJADI AHLI FPX SECARA DALAM TALIAN

e-TT

PEMBAYARAN CUKAI SECARA TELEGRAPHIC TRANSFER, EFT DAN IBG MENGGUNAKAN NOMBOR AKAUN MAYA

e-WHT

PENGISIAN BORANG BAYARAN CUKAI PEGANGAN SECARA DALAM TALIAN

e-107D

BAYARAN SEKSYEN 107D DAN LAMPIRAN CP107D(2) YANG BOLEH DIMUAT NAIK SECARA DALAM TALIAN

MAKLUMAT LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARIPADA MYTAX,
<https://mytax.hasil.gov.my/> > **PERKHIDMATAN ezHASiL**



BEZA PCB DAN CP38

PCB merupakan potongan cukai berdasarkan Jadual PCB ke atas saraan pekerja yang layak dan diremitkan ke HASiL setiap bulan, manakala potongan CP38 pula hanya boleh dilakukan sekiranya HASiL telah mengeluarkan arahan khusus kepada majikan supaya membuat potongan untuk amaun tertentu dalam bulan-bulan yang tertentu. Potongan CP38 adalah untuk menyelesaikan cukai yang tertunggak manakala PCB adalah untuk cukai bagi tahun taksiran semasa.

Majikan bertanggungjawab untuk membuat bayaran Arahan Potongan CP38. Pembayaran hendaklah dibuat bersama-sama dengan PCB tetapi majikan perlu mengasingkan jumlah bayaran mengikut ruangan PCB dan CP38 yang disediakan di dalam Borang CP39.

SIJIL TARAF MASTAUTIN

Sijil Taraf Mastautin (STM) dikeluarkan untuk mengesahkan pembayar cukai adalah bermastautin di Malaysia dan membolehkan pembayar cukai menuntut manfaat di bawah PPPDK serta mengelakkan pencukaian dua kali ke atas pendapatan yang sama. Oleh itu, STM hanya akan dikeluarkan bagi tujuan tersebut dan dengan rakan pejanji Malaysia sahaja.

Permohonan STM boleh dibuat secara manual atau melalui sistem e-Residence (<https://mytax.hasil.gov.my> > **Perkhidmatan ezHasil** > **e-Residen**).

STM akan dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja, sekiranya maklumat dan dokumen telah dikemukakan dengan lengkap. Pemohon akan dimaklumkan apabila STM telah disiap untuk diambil.

Maklumat lanjut berhubung STM boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > **Antarabangsa** > **Sijil Taraf Mastautin**.

PENAMATAN PERKHIDMATAN

Sekiranya majikan akan berhenti menggaji pekerja yang :

- dikenakan cukai berkaitan pendapatan daripada penggajian; atau
- berkemungkinan dikenakan cukai berkaitan pendapatan daripada penggajian; atau
- pekerja di bawah suatu penggajian meninggal dunia, majikan dikehendaki mengemukakan Borang CP22A / CP22B tidak kurang daripada 30 hari sebelum pemberhentian penggajian atau tidak lebih 30 hari selepas dimaklumkan kematian.

Mulai 1 Januari 2024, Borang CP22A / CP22B wajib dikemukakan secara dalam talian melalui portal MyTax menggunakan aplikasi e-SPC.

Kegagalan majikan untuk mematuhi tanggungjawab ini tanpa alasan yang munasabah, apabila disabitkan dengan kesalahan, akan dikenakan denda tidak kurang RM200 dan tidak lebih daripada RM20,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

Majikan bertanggungjawab untuk membayar amaun penuh cukai yang kena dibayar oleh pekerjanya. Amaun kena dibayar oleh majikan merupakan suatu hutang kepada Kerajaan dan boleh dituntut melalui tindakan sivil.

Maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh dirujuk melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Majikan > Penamatan Perkhidmatan.

● **PERPINDAHAN KAUNTER PERKHIDMATAN HASiL LOKALITI KLANG, SELANGOR**

Kaunter Perkhidmatan HASiL Klang meliputi Kaunter Setempat, Kaunter Duti Setem dan Kaunter Sumbangan Tunai Rahmah (STR) akan beroperasi di lokasi baharu yang dikenali sebagai Pejabat Satelit Klang mulai pada 4 Disember 2023.

Alamat premis baharu pejabat satelit HASiL berkenaan adalah seperti berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Pejabat Satelit Klang

Prima Klang Avenue (Blok A),

Jalan Kota / KS 1,

41000 Klang, Selangor.

Para pelanggan adalah digalakkan untuk membuat e-janji temu menerusi pautan pantas <https://ejanjitemu.hasil.gov.my/appointment/index> bagi urusan percukaian, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan Duti Setem.

● **WASPADA DENGAN SCAMMER :**

HASiL TIDAK AKAN MEMBERI NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI PENDAPATAN MELALUI PANGGILAN TELEFON/EMEL/SURAT. SILA GUNAKAN BYRHASIL BAGI BAYARAN CUKAI JIKA BERKAITAN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.